



**1. PENOLONG PEGAWAI PROJEK TINGKAT I
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Pengurusan Projek (*Project Management*) / Pengurusan Strategik (*Strategic Management*) / Penyelarasan Sistem / Ekonomi / Statistik / Perdagangan & Kewangan atau bidang bersesuaian.

Kelulusan lebih tinggi dalam bidang yang sama adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Penolong Pegawai Projek Tingkat II dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PEGAWAI PROJEK TINGKAT I:

SECARA AM

1. Mengumpulkan data/ maklumat dan menyediakan perangkaan (statistik) berkaitan dengan projek.
2. Menyediakan laporan / kertas kerja yang berkaitan dengan projek.
3. Menyelaraskan dan menyediakan cadangan-cadangan projek Jabatan dan yang melibatkan Jabatan.
4. Menyemak bayaran-bayaran kemajuan kerja.
5. Menilai kedudukan-kedudukan projek dan membuat laporan.



DI KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN:

1. Memproses dan menyemak pengeluaran Sijil-Sijil Tempat Asal (*Certificate of Origin*) bagi eksport barangan keluaran tempatan dan juga yang dikeluarkan oleh negara luar bagi barangan yang diimport ke dalam negeri.
2. Menyediakan perangkaan perdagangan.
3. Membantu kerja-kerja berhubung dengan tariff termasuk penyediaan jadual tariff bagi perjanjian perdagangan diantara Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara luar.
4. Membantu berurusan dengan pihak swasta mengenai masalah-masalah perdagangan.
5. Mempunyai kemahiran dalam menggunakan komputer seperti "*Microsoft Excel*" dan "*Microsoft Powerpoint*" adalah diutamakan.